

# BELANJAWAN 1991

# Belanjawan terbaik dan hadiah kepada rakyat - Mahathir

JM 15 DEC 1990

Laporan oleh:  
**Razif Ahmad, Zaharuddin Md. Ali, Salha Urip,  
Mohd. Nor Che Mat, Aziz Ishak, Mahani Othman**

**K**UALA LUMPUR 14 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan Belanjawan Negara 1991 sebagai yang terbaik pernah dibentangkan oleh kerajaan dan juga bagi satu hadiah kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memberikan pelepasan cukai pendapatan yang banyak kepada rakyat kerana kerajaan kini mampu berbuat demikian.

"Saya berasa gembira dengan belanjawan yang pada pendapat setengah-setengah orang sebagai belanjawan pra pilihanraya tetapi seperti yang dikatakan oleh Menteri Kewangan, walaupun kita sudah menyediakan belanjawan ini sebelum pilihanraya tapi kita tidak bergantung kepadanya untuk mencapai kemenangan," katanya ketika memberi komen mengenai belanjawan negara yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan

di Dewan Rakyat petang ini.

Menteri Kewangan Dato' Paduka Daim Zainuddin ketika telah mencadangkan pengurangan kadar cukai pendapatan individu, pelepasan cukai atas isteri dan anak-anak dan perle-

pasan cukai atas caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, belanjawan ini dengan jelas menggambarkan bahawa kerajaan memang ikhlas dalam usahanya hendak membina satu masyarakat yang penyayang iaitu cuba menolong seberapa banyak rakyat dengan pembangunan ekonomi.

Dato' Sri Dr. Mahathir berharap rakyat terutamanya pekerja-pekerja akan memberi kerjasama kerana mereka akan mendapat hasil daripada pertumbuhan ekonomi negara.

Ini kerana katanya kerajaan telah membentangkan satu belanjawan yang terbaik kepada rakyat hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang baik kerana kestabilan negara.

Beliau berkata, mungkin ada yang berpendapat Malaysia bernasib baik tetapi sebenarnya

keadaan di Malaysia adalah amat istimewa sekali.

Berapa banyakkah negara yang menikmati kedudukan seperti Malaysia bahkan negara yang mempunyai sumber minyak yang banyak pun menghadapi masalah tetapi kita berjaya mengembangkan punca-punca ekonomi dan sebab itulah apabila krisis Teluk timbul kita tidak menaikkan harga minyak sebegitu tinggi dan tidak berlaku tekanan inflasi di Malaysia.

Ditanya apakah belanjawan ini kena mengena dengan manifesto Barisan Nasional, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata manifesto BN adalah untuk setiap masa.

Katanya, apa yang penting ialah belanjawan rakyat ini dapat dibentangkan kerana kestabilan negara yang rakyat nikmati sekarang.

Oleh itu katanya dalam usaha mencapai kestabilan negara semua pihak harus memainkan peranan.

Bagaimanapun saya berpendapat hari ini ramai yang melahirkan perasaan amat gembira dengan belanjawan ini...esok akan kurang sedikit kemudian lepas seminggu kita akan mula mendengar pula ada yang kata tidak baik mengenai belanjawan dan lepas sebulan yang baik akan hilang dan yang tinggal cuma yang buruk sahaja.

"Saya yakin tidak lama lagi akan adalah pakar-pakar memberi analisa bahawa belanjawan ini sebenarnya tidak memberi apa-apa kesan dan tidak ada kebaikan sama sekali," katanya.

Bagaimanapun menurut Dato' Sri Dr. Mahathir walaupun dengan langkah pelepasan cukai kepada rakyat itu bermakna kerajaan tidak boleh belanjawan banyak tetapi kerajaan berpendapat sudah tiba masanya untuk rakyat menerima pelepasan seperti itu.